

# Bina generasi celik kewangan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 30 Julai. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung dalam kalangan belia dan membina generasi yang celik kewangan, Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Jerayawara Kesedaran Kewangan bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 ke beberapa institusi pendidikan tinggi di negara ini.

Hari pertama jerayawara diadakan pada 29 Julai di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad; dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Berakas 'B'.

Lebih kurang 100 mahasiswa UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir pada jerayawara tersebut, di mana mereka berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti interaktif, bertemakan pengurusan kewangan.

Sementara itu, hari kedua jerayawara pula diadakan di Laksamana College Brunei (LCB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu, Pemangku Pengarah Urusan, AMBD, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Jerayawara yang dihadiri oleh para pelajar daripada LCB dan Kemuda Institute (KI), antara lain diisi dengan aktiviti interaktif bertemakan pengurusan kewangan untuk menarik minat para pelajar dalam pengurusan dan celik kewangan juga menabung, selain diadakan pameran berkaitan mengenai celik kewangan.

Aktiviti-aktiviti dianjurkan bersama oleh pihak AMBD, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan (FPAB), Junior Achievement (JA), juga institusi-institusi kewangan yang turut hadir.

Selain untuk membina generasi yang celik kewangan, jerayawara juga bertujuan untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 di dalam mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan juga penduduk yang berkemahiran tinggi.

Jerayawara dikelolakan dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan, JA dan beberapa institusi-institusi kewangan yang lain.

Sementara itu, acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019, Financial Fun Fair yang akan diadakan pada 17 dan 18 Ogos tahun ini di Jerudong Park Colonnade yang akan menampilkan pelbagai program



**AHLI-AHLI** Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad; dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Berakas 'B' semasa menyaksikan pameran semasa jerayawara tersebut.

dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga termasuk persembahan khas daripada Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei, Financial Race dan Eco-Tech Financial Costume Competition. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, sila layari laman sesawang AMBD di

[www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn); atau memuat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui 'App Store' atau

'Google PlayStore'; atau mengikut akaun Instagram AMBD di [@autoriti\\_monetari](https://www.instagram.com/autoriti_monetari).

**PEMANGKU** Pengarah Urusan AMBD, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki hadir selaku tetamu kehormat mendengarkan penerangan daripada salah seorang pegawai AMBD.



## Tingkatkan kesedaran tentang Talasemia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MERAGANG,** Isnin, 29 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) melalui Wad 29, Pediatrik Hematologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak terus komited untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit Talasemia dalam kalangan pelajar di negara ini.

Salah satu usaha yang dilaksanakan adalah dengan mengadakan sesi taklimat mengenai penyakit tersebut, bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTM), di sini.

Antara yang menghadiri sesi taklimat tersebut, Pengetua PTM, Ricky Chong Meng Ho.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Jururawat, Dayang Norain binti Ali, bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang sihat pada masa akan datang, selain mendedahkan para pelajar tentang kepentingan pengesanan awal dan pencegahan penyakit Talasemia.

Ia juga boleh meningkatkan

pengetahuan para pelajar mengenai bagaimana penyakit Talasemia diwarisi dan kepentingan mengetahui status penyakit tersebut dalam kalangan pelajar.

Memberikan kaunseling dan panduan sewajarnya kepada individu pelajar yang mempunyai latar belakang pembawa Talasemia juga adalah digalakkan untuk membuat ujian saringan awal

pasangan mereka bagi mengelakkan penurunan gen Talasemia dan mencegah penyakit itu diwarisi dalam kalangan generasi baharu.

Terlebih dahulu pada sebelah pagi, pameran mengenai Talasemia diadakan di Lobi PTM yang juga diisi dengan segmen kuiz.

Taklimat Program Kesedaran Talasemia Kali Ke-3 itu merupakan kesinambungan Sambutan Hari Talasemia Sedunia 2019 yang diraikan pada 8 Mei setiap tahun.



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar Pusat Tingkatan Enam Meragang yang hadir pada Taklimat Program Kesedaran Talasemia Kali Ke-3.

## Direman, dipercayai mencuri

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 29 Julai. - Balai Polis Panaga, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menghadapkan seorang lelaki, warganegara tempatan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 380 (Curi Dalam Bangunan) Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Suspek, Seriman bin Sulaiman, berumur 39 tahun dan bekerja sendiri direman bagi siasatan lanjut hingga 31 Julai 2019 kerana dipercayai terlibat dengan kes curi barang kemas yang berlaku di kawasan E1 Perumahan BSP, Panaga Seria.

Menurut siasatan awal, beg mangsa yang diletakkan di dalam rumah diselongkar dan mendapati barangan kemas hilang dipercayai dicuri semasa mangsa sedang membersihkan di kawasan halaman rumah.

Schubungan itu, PPDB ingin mengingatkan orang ramai untuk mengambil langkah berwaspada agar rumah sentiasa dalam keadaan terkawal dan dikunci

rapi juga jangan sekali-kali memberikan kesempatan kepada penjenayah untuk melakukan aktiviti-aktiviti negatif.



**SUSPEK,** Seriman bin Sulaiman, berumur 39 tahun dan bekerja sendiri direman bagi siasatan lanjut hingga 31 Julai 2019 kerana dipercayai terlibat dengan kes curi barang kemas.